



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

## **LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**2 OKTOBER 2025 (KHAMIS)**

## Sarawak Tekad Capai Sifar Rabies Menjelang 2030

| MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------------|---------|------------|--------|
| Premier Dept | News    | Online     | 1 Okt  |



KUCHING: Sarawak menetapkan sasaran untuk mencapai sifar rabies menjelang tahun 2030 dengan komitmen untuk menyediakan vaksinasi percuma kepada haiwan peliharaan.

Menteri Industri Makanan, Komoditi Dan Pembangunan Wilayah Sarawak Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, Sarawak mencatatkan 80 kematian daripada 87 kes rabies iaitu satu angka yang membimbangkan kepada kerajaan negeri.

Justeru katanya, Kerajaan Sarawak komited menyediakan vaksinasi percuma dengan menggerakkan pasukan, terutamanya daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Namun, usaha ini tidak boleh dilakukan oleh pihak berkuasa semata-mata di mana Jabatan Kesihatan, DVS, pihak berkuasa tempatan, komuniti dan pencinta haiwan perlu berganding bahu.

"Penguatkuasaan sahaja

tidak memadai, kita perlu tingkatkan kesedaran kerana secara terus terang saya katakan, tidak seorang pun sepatutnya mati akibat rabies," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Makan Malam Gala Sempena Rabies In Borneo 2025 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) di sini pada Selasa.

Kini ujarnya, mendidik dan mewujudkan kesedaran menjadi usaha terkini terutamanya kepada masyarakat tentang rabies yang boleh dicegah secara 100 peratus.

Jelasnya, sikap tidak ambil peduli mengenai bahaya rabies mampu membawa padah kepada diri dan orang sekeliling.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) Datu Sirai Daha, Pengarah DVS Datu Dr Adrian Susin Ambud, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Place Borneo Mona Abdul Manap, Presiden Sarawak Society For The Prevention Of Cruelty To Animal (SSPCA) Datin Dona Drury Wee dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak Dr Veronica Lughah. – [PREMIERDEPT.SARAWAK](http://PREMIERDEPT.SARAWAK)

## Program Vaksinasi Rabies Percuma Untuk Anjing di Lawas Sepanjang Oktober, November

| MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---------------|---------|------------|--------|
| Utusan Borneo | Sarawak | Online     | 1 Okt  |



Gambar hiasan

LAWAS: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak akan melaksanakan Program Vaksinasi Anti-Rabies Percuma Untuk Anjing di daerah Lawas sepanjang bulan Oktober dan November ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak dalam satu kenyataan berkata, sudah tiba masanya haiwan peliharaan iaitu anjing dilindungi sepenuhnya melalui program ini yang turun padang ke kampung-kampung terpilih di sini.

Anti-Rabies Percuma Untuk Anjing akan diadakan di kawasan Lawas Damit bermula pada 7 hingga 10 Oktober, Long Sukang (13 hingga 15 Oktober), Merapok bermula pada 20 Oktober hingga 23 Oktober, Trusan Lawas (27 hingga 30 Oktober) dan Jalan Trusan Lawas bermula pada 11 hingga 14 November.

“Program diadakan pada waktu operasi harian (9.30 pagi hingga 3 atau 5 petang),” katanya dalam satu kenyataan.

“Program Vaksinasi

Katanya, orang ramai perlu

memastikan anjing mereka berumur tiga bulan ke atas, berada dalam keadaan sihat dan tidak bunting atau menyusui.

“Sila sediakan kad pengenalan pemilik dan kad vaksin anjing yang sedia ada (jika ada), selepas divaksin, sila kuarantin anjing anda selama 28 hari untuk membina imuniti yang optimum dan pastikan anjing anda tidak berkeliaran di tempat awam pada setiap masa,” katanya.-

[UTUSANBORNEO](#)



## Elak Risiko Rabies, Jangan Beri Makanan Kepada Haiwan Terbiar: Yii

| MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---------------|---------|------------|--------|
| Utusan Borneo | Sarawak | Online     | 1 Okt  |



*Gambar Hiasan*

MIRI: Datuk Bandar Miri Adam Yii menasihati orang awam khususnya pencinta haiwan supaya tidak memberi makanan kepada haiwan terbiar kerana tindakan itu boleh mendedahkan mereka kepada risiko wabak rabies.

“Saya faham ada individu yang bertindak atas dasar simpati kepada anjing dan kucing terbiar namun dalam keadaan sekarang, adalah tidak wajar untuk mendekati haiwan terbiar,” katanya sambil merujuk keadaan rabies semasa.

Menurut Yii, larangan memberi makanan kepada burung merpati di negara seperti Hong Kong, Singapura dan beberapa negara Barat adalah atas faktor kesihatan dan perkara sama boleh dikaitkan dengan rabies serta haiwan terbiar, di negeri ini.

Beliau turut mengingatkan pemilik haiwan peliharaan agar menjaga haiwan masing-masing dengan baik serta menempatkan mereka dalam kawasan rumah sebagai langkah melindungi daripada rabies dan penyakit lain.

“Jika haiwan peliharaan dijangkiti rabies, yang paling berisiko ialah ahli keluarga pemilik itu sendiri, jadi lebih baik ambil langkah berjaga-jaga,” tegasnya.

Pada hujung minggu ini, MBM dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Cawangan Miri dan Pegawai Kesihatan Bahagian Miri akan menganjurkan program vaksinasi anti-rabies secara besar-besaran di tempat letak kereta E-Mart Riam.

Antara perkhidmatan ditawarkan ialah vaksinasi anti-rabies untuk anjing berusia tiga bulan ke atas, pengeluaran lesen anjing serta pemasangan mikrochip percuma untuk anjing yang dilesenkan dan divaksin.

Mengulas isu kematian akibat gigitan kucing baru-baru ini, Yii menjelaskan bahawa buat masa ini program menangkap haiwan terbiar MBM hanya melibatkan anjing.

“Isu kucing masih belum ditangani. Saya perlu semak dengan Bahagian Pembersihan Awam dan Penyelenggaraan (PCM) sebelum dapat beri maklum balas lanjut,” katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan kucing boleh lebih berbahaya

kerana kebiasaannya berkeliaran lebih luas berbanding anjing.-  
[UTUSANBORNEO](#)

## Dr Rundi: 80 Rabies Fatalities in Sarawak Since 2017 'Alarming' as Disease 100 Pct Preventable, Stronger Messaging Vital

| MEDIA              | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------------------|---------|------------|--------|
| Borneo Post Online | Sarawak | Online     | 1 Okt  |



*Dr Rundi presents a certificate of appreciation to Dr Veronica. From left are Dr Adrian and Sirai.*

KUCHING (Oct 1): The 87 human rabies cases with 80 fatalities in Sarawak since 2017 is "very alarming", said Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom.

The Food Industry, Commodity and Regional Development Minister said rabies eradication cannot rely on enforcement alone, but requires collective responsibility from health authorities, veterinary services, local councils, community groups, and animal lovers.

"Don't forget the focus of what we want to do by the year 2030. We want to see zero rabies," he said at the Rabies in Borneo welcoming gala dinner here last night.

He said several countries have successfully eradicated this very fatal disease.

"But the most important thing is it is preventable. So, throw that message to the people at large, the public, and so on, so that they will know," he stressed.

"Nobody should die of rabies.



It is 100 per cent preventable. If you are ignorant, you cannot blame anyone else.”

He assured that the state government remains committed to free vaccinations, free vaccines, and deployment of personnel, particularly from the Department of Veterinary Services Sarawak (DVSS).

He also commended the Immune Belt Enforcement Team for playing a vital role in curbing the spread of rabies across Sarawak’s interior, but called for more aggressive action to achieve zero rabies by 2030.

Among those present at the dinner were Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development permanent secretary Datu Sirai Daha, DVSS director Datu Dr Adrian Susin Ambud, and Sarawak Health director Dr Veronica Lugah.-

[THEBORNEOPOST](#)

## Sarawak's First Veterinary School in Semenggok to Open in 2026, Half of Intake for Locals

| MEDIA       | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------|---------|------------|--------|
| Dayak Daily | News    | Online     | 1 Okt  |



KUCHING, Sept 30: Sarawak and Borneo's first School of Veterinary and Animal Science, set to be established in Semenggok, here, will welcome its first batch of students next year, with half of the intake reserved for Sarawakians.

Premier of Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg said this milestone reflects the State government's commitment to nurturing homegrown talent and retaining the best minds in Sarawak.

The school, developed through a collaboration between the Sarawak government and Universiti Putra Malaysia Sarawak (UPMS), will be the first of its kind in East Malaysia and across the entire Borneo region. The institution aims to elevate Sarawak's standing in veterinary education and research.

"Our goal is ambitious yet clear: to boost animal production, strengthen public health measures, and build a new generation of

professionals in veterinary and animal sciences,” he said in a speech delivered on his behalf by Deputy Premier Datuk Amar Dr Sim Kui Hian when officiating the Rabies in Borneo (RIB) 2025 conference at the Borneo Convention Centre Kuching (BCKK) today.

Abang Johari stressed that the school would also play a critical role in supporting national and global efforts to control zoonotic diseases and in safeguarding Sarawak’s status as free from Foot and Mouth Disease (FMD).

“With this institution, we are not only investing in education, but in the future of food security, animal welfare, and public health for Sarawak and the wider region,” he said.

He also extended his appreciation to the Department of Veterinary Services Sarawak (DVSS) and Place Borneo Sdn Bhd for organising RIB 2025, alongside ministries, agencies, local councils, non-governmental organisations (NGOs), and volunteers for their contributions.

Highlighting the conference’s theme, “Rabies-Free Borneo: Uniting People, Animals, and Communities”, Abang Johari said it is more than just a slogan, but a call

to action.

“It reminds us that this fight is personal, collective, and above all, a moral imperative. Together, we will build a rabies-free Borneo and, in doing so, set an enduring example of resilience and unity for the entire region,” he concluded. —

[DAYAKDAILY](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR